

RANCANG PERJALANAN PULANG KE BANDAR DENGAN MYPLUS-TTA SELEPAS CUTI PERAYAAN BERGANDA

- Elak Kesyakan Hari-Hari Puncak yang dijangka pada 4-7 Jun 2026

Petaling Jaya, 3 Jun 2026:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menjangkakan peningkatan trafik yang ketara di rangkaian lebuh rayanya bersempena pergerakan pulang ke Lembah Klang selepas berakhirnya cuti sempena sambutan Hari Raya Aidiladha dan perayaan berganda. Sehubungan itu, PLUS menyarankan orang ramai agar merancang perjalanan pulang lebih awal dengan merujuk kepada jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA bagi menikmati pengalaman perjalanan yang lebih lancar.

Sepanjang tempoh pergerakan pulang ke ibu kota, Hari-hari Puncak telah dikenal pasti pada 4, 5, 6 dan 7 Jun 2026, di mana PLUS menjangkakan hampir 2.2 juta kenderaan sehari akan menggunakan rangkaian lebuh rayanya. Peningkatan ini melibatkan kombinasi pergerakan trafik jarak jauh serta perjalanan antara bandar-bandar utama menuju ke Lembah Klang selepas tamat tempoh cuti perayaan dan cuti persekolahan.

Justeru, pengguna dinasihatkan supaya mengikut jadual MyPLUS-TTA yang boleh diakses menerusi Aplikasi PLUS dan merancang waktu perjalanan pulang mengikut waktu yang dicadangkan. Langkah ini penting bagi membantu mengimbangi aliran trafik serta mengurangkan kesesakan di lokasi-lokasi tumpuan sepanjang lebuh raya.

Sepanjang musim perayaan ini, PLUS turut mengaktifkan laluan Smart Lane di 33 lokasi tumpuan di sepanjang lebuhraya. Selain itu, semua kemudahan awam di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) serta hentian sebelah seperti gerai makanan dan minuman, surau dan tandas dibuka 24 jam. Orang ramai juga disaran merancang lokasi hentian untuk berehat atau beribadah di plaza-plaza tol sepanjang lebuh raya.

Orang ramai boleh menghubungi PLUSLine di 1800-88-0000 atau LPT2Line di 1800-88-0220 sekiranya memerlukan bantuan kecemasan. PLUS turut menasihatkan pengguna agar menggunakan aplikasi PLUS, Waze atau *Google Maps* untuk mendapatkan status trafik semasa sepanjang musim perayaan ini. Maklumat trafik terkini juga boleh diperolehi melalui Pembantu Maya - PUTRI, aplikasi X @plustrafik dan @lpt2trafik, paparan mesej elektronik (VMS) di lebuh raya, serta laporan stesen-stesen radio utama negara.

Sebagai persediaan tambahan, pengguna lebuh raya juga diingatkan untuk memastikan baki kad Touch 'n Go dan e-Wallet (bagi pengguna RFID dan JustGO) sentiasa mencukupi sebelum memulakan perjalanan bagi mengelakkan sebarang kesulitan di plaza tol. PLUS menyeru orang ramai supaya merancang perjalanan pulang dengan baik menerusi MyPLUS-TTA dan sentiasa memandu dengan berhati-hati demi keselamatan bersama sepanjang perjalanan.

-TAMAT-



PERTANYAAN MEDIA:

<p>Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my</p>	<p>Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@ plus.com.my</p>
---	--